

MAJIKAN



LHDNM-R/004/10

Bersama Membangun Negara



Nik Nasrudin
Teluk Intan

Tanggungjawab Majikan

- Daftar Fail E*
- Dapatkan Borang E (jika belum terima) dan lengkapkan
- Hantar Borang E (e-E) sebelum/pada 31 Mac
- Laporan pendapatan pekerja (tunai dan bukan tunai) dalam Penyata Saraan Daripada Penggajian (EA/EC)
- Kemaskini butiran dan alamat pekerja
- Simpan dokumen/rekod selama 7 tahun
- Potong Potongan Cukai Bulanan (PCB) dan remit sebelum/pada 10hb bulan berikutnya
- Beritahu pekerja baru dalam tempoh sebulan
- Beritahu pemberhentian pekerja dalam tempoh sebulan dan tahan bayaran (jika ada) bagi kes:
 - ☞ Pekerja akan bersara
 - ☞ Pekerja akan meninggalkan Malaysia (jika melebihi 3 bulan)
 - ☞ Pekerja tertakluk kepada skim PCB tetapi PCB tidak diremit

Pendaftaran

	Kaedah	Dokumen Sokongan
1	e-Daftar (www.hasil.gov.my)	Muat naik dokumen yang diimbas: <ul style="list-style-type: none">● Sijil Pendaftaran Perniagaan● Borang 9 & 49 daripada Suruhanjaya Syarikat M'sia (untuk syarikat)● Borang D daripada Suruhanjaya Syarikat M'sia (untuk perniagaan)
2	Hadir ke Cawangan LHDNM berdekatan	Kemukakan salinan berikut: <ul style="list-style-type: none">● Sijil Pendaftaran Perniagaan● Borang 9 & 49 daripada Suruhanjaya Syarikat M'sia (untuk syarikat)● Borang D daripada Suruhanjaya Syarikat M'sia (untuk perniagaan)

* Daftar Fail C/OG/D atau lain-lain sebelum mendaftar Fail E

Potongan Cukai Bulanan (PCB)

- Satu mekanisme bayaran cukai
- Bukan cukai muktamad
- Bayaran pendahuluan pekerja yang dipotong daripada saraan oleh majikan

Saraan Yang Tertakluk Kepada PCB

- Gaji
- Bayaran lebih masa
- Tip
- Bonus/Insentif
- Perkuisit
- Cukai ditanggung majikan
- Skim Opsyen Saham Pekerja (SOSP)
- Upah
- Komisen
- Elaun
- Fi Pengarah
- Pampasan
- Ganjaran
- Saraan lain berkaitan penggajian

Saraan bulanan minimum yang tertakluk kepada PCB ialah **RM2,451** (selepas tolak KWSP pekerja)

Jadual PCB, Kalkulator PCB, e-PCB, dan Perisian PCB Boleh Diperolehi Di :

Laman web LHDNM: www.hasil.gov.my

Kesalahan Majikan

- Lewat/tidak hantar Borang E
- Tidak memberitahu pengambilan pekerja baru
- Tidak memberitahu pemberhentian/persaraan pekerja
- Tidak menahan wang pekerja yang akan bersara wajib
- Gagal memotong PCB
- Tidak patuh kaedah PCB
- Lewat bayar PCB
- PCB yang dipotong tidak diremitkan ke LHDNM